

STRATEGI KESANTUNAN PENULISAN: APLIKASI MODEL LEECH (1983), GRICE (1975) & ASMAH (1996 & 2000)

STRATEGY OF POLITENESS IN WRITING: APPLICATION OF LEECH (1983), GRICE (1975) & ASMAH (1996 & 2000) MODELS

Sara Beden

Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,
Kota Samarahan, Sarawak Malaysia
(Email: sara.beden@ipgmktar.edu.my)

Accepted date: 14-04-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Beden, S. (2019). Strategi Kesantunan Penulisan: Aplikasi Model Leech (1983), Grice (1975) & Asmah (1996 & 2000). *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 111-123.

DOI: 10.35631/ijhpl.260010

Abstrak: Kesantunan berbahasa menjadi pemangkin kepada pembentukan keperibadian seseorang di mata khalayak umum selain dihubung kait dengan profesionalisme. Walau bagaimanapun, aspek kesantunan sering dipandang remeh oleh sesetengah pihak dalam berkomunikasi. Jika disorot, setiap individu dituntut untuk berhemah dalam komunikasi agar tidak menjatuhkan air muka mana-mana pihak sekali gus mengelakkan konflik sama ada dalam komunikasi lisan mahupun penulisan. Kesantunan penulisan merangkumi penggunaan dan pemilihan kata, frasa dan ayat yang gramatis dalam usaha menyantuni khalayak pembaca. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi kesantunan berbahasa dalam artikel Ruangan Agenda Bahasa dalam majalah Dewan Bahasa terbitan bulan Julai 2018. Kajian ini mengaplikasikan tiga model kesantunan, iaitu PS Leech (1983), PK Grice (1975) dan model Asmah Omar (2000). Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus kepada analisis teks. Dapatan menunjukkan pengaplikasian ketiga-tiga model kesantunan, iaitu PS Leech, PK Grice dan kesantunan Asmah Omar yang membentuk pola kombinasi maksim + strategi. ARPBM memperlihatkan pematuhan terhadap maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Kepatuhan pada Tajuk + Penjagaan Air Muka. Dapatan ini menunjukkan pengaplikasian strategi cadangan, nasihat, puji, pengemukaan fakta, penggunaan unsur metafora, kepatuhan pada tajuk dan penjagaan air muka dalam usaha penulis melestarikan kesantunan. Dapatan ini merefleksikan bahawa penulis mematuhi peraturan penulisan dengan tidak mengabaikan strategi kesantunan berbahasa. Kesimpulannya, pematuhan terhadap aspek kesantunan penulisan mencerminkan bahawa penulis dalam bidang akademik memanifestasikan sikap profesional dalam usaha memelihara budaya santun dalam komunikasi.

Kata Kunci: Strategi Kesantunan, Isu Sensitif, Pola Kombinasi Maksim, Kepatuhan, Penjagaan Air Muka

Abstract: Language politeness becomes the catalyst for the formation of a person's personality in the eyes of the general public as well as related to professionalism. However, the aspect of politeness is often underestimated by some parties in communicating. If reviewed, each individual is required to be prudent in communication in order not to undermine the facial of any party thereby avoiding conflicts whether in verbal or written communication. Politeness Writing strategy includes the application and selection of words, phrases and grammatical sentences in the quest to politely attract readers. The purpose of this study is to analyse the language politeness strategy in the article of Ruangan Agenda Bahasa in the Dewan Bahasa Majalah magazine for July 2011 issue. This study applies three models of politeness, namely PS Leech (1983), PK Grice (1975) and Asmah Omar (2000). This study is a complete qualitative study by focusing on text analysis. The findings show the application of three models of politeness, namely PS Leech, PK Grice and Asmah Omar Politeness Models that form the combination of maxims pattern + strategies. ARPBM demonstrates compliance to maxim of Tact + Approbation + Quality + Relevant + Compliance on Title + Dignity. The findings demonstrate the application of suggestion, advice, praise, fact-stating, usage of metaphorical elements, compliance to title and dignity strategies in the writer's efforts to sustain politeness writing. The findings reflect that the author complies with writing rules by not neglecting the language politeness strategy. In conclusion, compliance to the aspect of politeness writing reflects that the author's academic manifestation of his professional attitudes in maintaining politeness culture in communication.

Key Words: Politeness Strategy, Sensitive Issues, Maximum Combination Pattern, Compliance, Dignity

Pengenalan

Kesantunan berbahasa merupakan wadah dan agenda yang signifikan dalam menjamin keharmonisan berkomunikasi. Kesantunan terpancar menerusi tatacara berbahasa yang akur dengan norma dan sistem nilai dalam budaya masyarakat. Apabila tatacara berbahasa menyalahai norma dalam masyarakat, seseorang itu akan dianggap tidak beradab dan tidak beradat sekali gus dipandang rendah oleh masyarakat di sekitarnya. Sehubungan itu, aspek kesantunan berbahasa bukan hanya signifikan dan wajar dititikberatkan dalam komunikasi lisan, namun memainkan peranan yang sama penting dalam komunikasi bertulis. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Sara Beden & Indirawati Zahid (2014, p.152), bahawa aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Kesantunan penulisan bermaksud kesopanan dan kehalusan ketika menggunakan bahasa yang melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa atau ungkapan dan ayat dalam penulisan (Sara Beden, 2018, p.55). Penulisan ditakrifkan sebagai perihal atau kegiatan menulis (mengarang) dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2000). Menurut Abdullah Hassan (2006), gaya komunikasi yang utama dalam pengurusan ialah perkataan bertulis. Syarat utama dalam menulis ialah semua tulisan hendaklah ringkas, mudah dan mempunyai perkataan, ayat serta idea yang baik. Aspek kesantunan penulisan juga perlu mematuhi format dan peraturan penulisan. Penulisan yang baik perlu mengandungi tiga komponen, iaitu pendahuluan, isi dan penutup. Permulaan, isi dan pengakhiran penulisan yang sempurna harus diberi penekanan dan dititikberatkan dalam penulisan. Ketiga-tiga bahagian ini perlu ditulis dengan menggunakan bahasa yang sopan, lemah lembut, berbudi bahasa yang tinggi di samping mematuhi peraturan berbahasa seperti peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Ketiga-tiga peraturan ini dikombinasi dalam menghasilkan wacana yang bukan sahaja utuh, runtut dan bertaut malah

memiliki kesatuan selain sesuai dengan konteksnya. Konteks amat erat hubungannya dengan sistem dan nilai dalam masyarakat. Arina Johari et.al (2018) menegaskan bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak seharusnya hanya berfokuskan mekanisme bahasa, sebaliknya menerapkan nilai budaya pragmatik yang berupaya mendedahkan tataadab komunikasi. Ringkasnya, penulis yang berhemah tinggi akan berusaha menyantuni pembaca dan mengambil kira pelbagai pertimbangan dan peraturan dalam penulisan khususnya kesantun berbahasa.

Kajian Literatur

Kajian tentang kesopanan berbahasa sudah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji sejak dahulu sama ada di luar maupun di dalam negara. Antara sarjana Barat yang memberikan fokus terhadap kesantunan termasuklah Ervin Trip (1972), Grice (1975), Leech (1983) dan Fraser (1990). Sarjana-sarjana ini telah mengemukakan konsep, peraturan, prinsip, strategi dan kontrak yang perlu dipatuhi dalam berkomunikasi bagi mewujudkan kesopanan. Ervin Tripp (1972) telah mengusulkan komponen interaksi bersemuka yang berhubung kait dengan peserta, suasana, fungsi interaksi, tajuk, pesanan dan saluran. Seterusnya, Grice (1975) telah mengusulkan Prinsip Kerjasama (PK) menerusi empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Bidang kajian ini memperlihatkan perkembangannya pada era 1980-an dengan munculnya Leech (1983) yang telah mengetengahkan Prinsip Kesopanan (PS) yang menekankan manfaat untuk mengurangkan kos atau beban pendengar. PS ini lahir hasil daripada kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam PK Grice (1975). Leech mendapati maksim Grice terlalu ideal untuk dipenuhi. Misalnya dalam percakapan, sukar untuk seseorang memenuhi maksim kuantiti, iaitu bercakap dengan hanya memenuhi kuantiti pertanyaan dan tidak berlebihan. Justeru, Leech telah menambah baik model Grice dengan mengemukakan enam maksim, iaitu kebijaksanaan, kedermawanan, sokongan, persetujuan, kerendahan hati dan simpati yang perlu dipatuhi oleh penutur bagi mewujudkan kesopanan sekali gus memberikan manfaat kepada pendengar dalam berkomunikasi. Seterusnya, Fraser (1990) mengetengahkan ‘Kontrak Perbualan’ antara penutur dan pendengar. Berdasarkan kontrak ini, penutur dan pendengar yang terlibat dalam sesuatu sesi perbualan memahami hak dan tanggungjawab yang menentukan batas-batas perbualan.

Sementara sarjana tempatan yang membincangkan aspek kesantunan berbahasa termasuklah Awang Sariyan (2007) menghubungkan kesopanan bahasa dengan *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Gagasan ini sejulur dengan gagasan Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad (2001) dalam *Santun Komunikasi* ketika membicarakan santun berbahasa. Asmah Omar (1996 & 2000) pula mengekspresikan kesopanan sebagai satu tuntutan dalam perbahasan, perbincangan dan perundingan supaya kesopanan berlaku terus-menerus dan konflik dapat dihindari di samping penggunaan humor dan cakap berlapik. Sementara kajian kesantunan dengan menggunakan bahan bertulis seperti novel dapat diteliti berdasarkan kajian Nurul Jamilah (2010) yang memberikan fokus terhadap lakuan bahasa maaf dalam novel *Julia*. Noor Hatini & Siti Saniah (2011) pula menekuni kesopanan berbahasa dengan menggunakan Maksim Santun untuk membuat kupasan tentang unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani dan Papa*. Kajian-kajian ini memprojeksikan kepentingan kesantunan dalam bidang penulisan sama ada bahan kreatif maupun ilmiah. Secara rangkumannya, konsep, peraturan, prinsip, strategi, kontrak dan gagasan tentang kesantunan yang dibincangkan oleh sarjana Barat dan tempatan memperjelas bahawa kesantunan amat signifikan dan memerlukan kajian lanjut dalam pelbagai bidang.

Bahan Kajian

Makalah menggunakan artikel yang bertajuk “Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda” (ARPBM) hasil tulisan Mohamad Syafiq Rohaizad Buyong, (halaman 10-13) dalam Majalah *Dewan Bahasa* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka keluaran bulan Julai 2018. Pencerakinan artikel ini terdapat dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1: Artikel Ruangan Agenda Bahasa

Artikel	Kod (Artikel/Halaman/Perenggan)
	ARPBM/H13/P3
	ARPBM/H11/P4
	ARPBM/H13/P1
Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda (ARPBM) Halaman 10-13	ARPBM/H10/P1
	ARPBM/H10
	ARPBM/H12/P3
	ARPBM/H11/P5

Artikel ini dimuatkan dalam Ruangan Agenda Bahasa dalam Majalah *Dewan Bahasa* yang merupakan ruangan tetap dalam setiap keluaran dan menyajikan agenda-agenda bahasa yang relevan dengan milieu selain sebagai wadah dan imarah ilmu kepada semua khalayak pembaca.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis strategi kesantunan berbahasa dalam penulisan artikel ruangan Agenda Bahasa dengan mengaplikasikan Prinsip Kesopanan Leech (1983), Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Strategi Kesantunan Asmah Omar (2000).

Metodologi dan Kerangka Teoretis

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan ilmiah sebagai sumber rujukan. Data korpus yang digunakan dalam kajian ini merupakan artikel daripada ruangan agenda bahasa yang bertajuk “Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda” yang dikodkan sebagai ARPBM yang merujuk kepada Artikel Perjuangan Bahasa Melayu (ARPBM). Seterusnya, data-data mengalami proses pencerakinan bagi memudahkan analisis. Seterusnya, data dikod berdasarkan artikel, halaman dan perenggan. Misalnya, ARPBM/H10/P3, iaitu ARPBM merujuk kepada artikel kajian, H10 merujuk kepada halaman sepuluh dan P3 pula merujuk kepada perenggan ketiga data tersebut dalam artikel. Pengekodan dilakukan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian data analisis.

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur-unsur bahasa yang digunakan oleh penulis dalam data kajian yang berpadanan dengan maksim-maksim PS Leech (1983), PK Grice (1975) dan strategi KAHO (1996 & 2000). Padanan data-data dengan maksim-maksim dan strategi KAHO ditadbir dengan memberikan fokus terhadap unsur bahasa seperti penggunaan kata, ungkapan atau frasa dan ayat yang berpadanan dengan maksim-maksim dan strategi model-model kesantunan tersebut, seterusnya memperlihatkan strategi komunikasi yang diaplikasi dalam penulisan. Strategi dalam *Kamus Dewan Edisi ke-4* (2007) merujuk kepada cara-cara melaksanakan sesuatu bagi mencapai sesuatu maksud. Strategi dalam kajian ini merujuk kepada kaedah atau cara yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan kesopanan berbahasa berdasarkan model Leech (1983), Grice (1975) dan Asmah (2000). Pengaplikasian strategi dalam penulisan bertujuan untuk memperlihatkan kesantunan selain mencapai objektif komunikasi. Kajian ini mengambil pendekatan dengan menggabungkan PS

Leech (1983), PK Grice (1975) dan KAHO (2000). PS memberi penekanan kepada perlakuan beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi, yakni penutur dan lawan tuturnya. Maksim-maksim yang diketengahkan oleh Leech (1983) terpapar dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2: Model PS Leech (1983)

Maksim	Spesifikasi
Kebijaksanaan (<i>Tact</i>)	Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
Kedermawanan (<i>Generosity</i>)	Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri.
Sokongan (<i>Approbation</i>)	Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujiyan terhadap orang lain.
Kerendahan Hati (<i>Modesty</i>)	Maksim yang meminimumkan pujiyan terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
Persetujuan (<i>Agreement</i>)	Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.
Simpati (<i>Sympathy</i>)	Maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Sumber: Leech (1985)

Sementara Grice (1975) telah mengemukakan PK untuk memperlihatkan kerjasama dalam komunikasi. PK Grice ini merupakan maksim yang mengawal proses komunikasi agar berjalan lancar sebagaimana paparannya dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: PK Grice (1975)

Maksim	Spesifikasi
Kuantiti	Memberi maklumat yang sempurna, informatif dan mencukupi dan tidak memberikan maklumat yang berlebihan.
Kualiti	Memberikan maklumat yang betul, sahih dan ada dalil atau kesahihan buktinya.
Relevan	Maklumat yang mempunyai perkaitan atau ciri-ciri yang rapat antara satu maklumat dengan maklumat yang lain.
Cara	Menyatakan sesuatu dengan cara yang betul dan mudah difahami bagi mengelakkkan maklumat yang memperlihatkan ketaksaan, kekaburan dan berbelit-belit.

Sumber: Grice (1975)

Sara Beden & Indirawati Zahid (2015) mendapati bahawa kombinasi kedua-dua model kesopanan ini berupaya memanifestasikan kesopanan berbahasa dengan jelas dan wujudnya pola-pola kombinasi maksim. Berdasarkan penemuan tersebut, kajian ini membuat penambahbaikan dengan menambah satu lagi model, iaitu model kesantunan Asmah, iaitu Kesopanan Asas + Strategi (KA+S) yang diketengahkan oleh Asmah Omar (1996 & 2000). Asmah telah mengemukakan model kesopanan dengan membahagikannya kepada Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala. Bagi Asmah Omar (1996, hal.92) kesopanan bukanlah

strategi semata-mata tetapi kesopanan merupakan ciri budaya yang menuntut ahli masyarakat bersopan santun dan menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, Asmah Omar (1996) menyimpulkan bahawa Kesopanan Berkendala sebagai Kesopanan Asas yang disertai dengan strategi komunikasi. Kesopanan Asas + Strategi merupakan kaedah yang digunakan oleh pemeran untuk mencapai tujuan dalam komunikasi dan strategi komunikasi yang menandai kesopanan melibatkan enam strategi seperti dalam jadual 4 berikut.

Jadual 4: Model Asmah (1996&2000)

Strategi	Spesifikasi
Pertama	Pengakuan adanya perkaitan peranan antara pemeran
Kedua	Kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara pemeran yang merujuk kepada perbezaan taraf sosial
Ketiga	Ksedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu
Keempat	Penjagaan air muka
Kelima	Kepatuhan pada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasan
Keenam	Kepatuhan pada peraturan mesyuarat

Sumber: Asmah Omar (1996&2000)

Ketiga-tiga model kesantunan yang telah diperinci digunakan sebagai landasan analisis data korpus dalam kajian ini bagi memperlihatkan strategi komunikasi yang digunakan oleh penulis dalam ARPBM.

Dapatan Analisis

Berdasarkan analisis, dapatan memperlihatkan pembentukan pola kombinasi maksim ditambah dengan strategi. Pola kombinasi maksim ditunjukkan menerusi pengaplikasian maksim-maksim PS Leech dan PK Grice manakala strategi diperlihatkan menerusi penggunaan strategi KAHO. Dapatan ini terdapat dalam jadual 4 berikut.

Jadual 4: Dapatan Kajian

Strategi	Artikel	Pola kombinasi maksim + Strategi
PS Leech/PK Grice/KAHO	ARPBM	Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Strategi Kepatuhan pada Tajuk + Strategi Penjagaan Air Muka

Berdasarkan analisis, didapati artikel yang digunakan sebagai bahan kajian memperlihatkan pengaplikasian ketiga-tiga model kesantunan, iaitu PS Leech, PK Grice dan KAHO yang membentuk pola kombinasi maksim + strategi. ARPBM memperlihatkan pematuhan terhadap maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Kepatuhan pada Tajuk + Penjagaan Air Muka. Dapatan ini menunjukkan bahawa penulis dalam ruangan agenda bahasa mematuhi peraturan penulisan dengan tidak mengabaikan aspek kesantunan. ARPBM menunjukkan pengaplikasian maksim Leech, Grice dan KAHO iaitu pengaplikasian strategi Kepatuhan pada Tajuk dan strategi Penjagaan Air Muka. Perkara ini menzhirkan bahawa penulis berusaha untuk menyantuni semua khalayak pembaca melalui penyampaian maklumat yang mematuhi topik perbincangan dan tindakan untuk menjaga air muka mana-mana pihak. Pengaplikasian maksim-maksim Leech, Grice dan strategi KAHO diperlihatkan menerusi penggunaan strategi cadangan, nasihat, pujian, pengemukaan fakta, penggunaan unsur metafora, kepatuhan pada tajuk dan penjagaan air muka dalam usaha penulis menzhirkan kesantunan. Sara Beden & Indirawati Zahid (2016), menegaskan bahawa pembudayaan dan penggunaan strategi bahasa yang bercirikan kesopanan sudah tentu dapat melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan

tahu menggunakan bahasa di samping memiliki kepekaan untuk menyesuaikannya dengan pelbagai situasi.

Perbincangan Analisis

Berdasarkan analisis terhadap ARPBM, didapati data korpus ini menunjukkan pengaplikasian pola kombinasi maksim + strategi, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Kepatuhan pada Tajuk + Penjagaan Air Muka sebagaimana paparannya dalam jadual 5 berikut.

Jadual 5: Pola Kombinasi Maksim + Strategi, Iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Kepatuhan Pada Tajuk + Penjagaan Air Muka

ARPBM/halaman	Artikel	Pola kombinasi maksim + strategi
ARPBM/H13/P3	Seharusnya kita mengambil peluang daripada kecanggihan teknologi dan memanfaatkan kemajuan yang dicapai oleh negara untuk mengembangkan bahasa Melayu. Golongan muda harus bersedia dari segi minda dan tenaga untuk mengambil alih peranan yang dimainkan golongan muda terdahulu dan bersiap siaga dari segi ilmu untuk menggalas tanggungjawab ini demi kelangsungan dan kegemilangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.	Kebijaksanaan
ARPBM/H11/P4	Sejarah tetap terpahat dan kita sebagai generasi pewaris sesungguhnya perlu berterima kasih kepada generasi terdahulu yang begitu gigih memperjuangkan nasib bahasa Melayu hingga bahasa Melayu berjaya menjadi wadah utama dalam semua bidang.	
ARPBM/H13/P1	Sultan al-Fatih yang <i>berjaya</i> menawan kota Constantinopel pada usia 21 tahun, Usaman bin Zalid yang berjaya mengetuai angkatan tentera Islam ke wilayah Syam pada usia 18 tahun, Imam Syafiee yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah pada usia 15 tahun dan Imam al-Ghazali yang sudah menjadi ilmuwan terkemuka pada usia 20 tahun.	Sokongan
ARPBM-H13/P1	Sultan al-Fatih yang <i>berjaya</i> menawan kota Constantinopel pada usia 21 tahun, Usaman bin Zalid yang berjaya mengetuai angkatan tentera Islam ke wilayah Syam pada usia 18 tahun, Imam Syafiee yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah pada usia 15 tahun dan Imam al-Ghazali yang sudah menjadi ilmuwan terkemuka pada usia 20 tahun.	Kualiti
ARPBM/H11/P5	<i>Api perjuangan marak menyala</i> , walaupun batang tubuh yang memperjuangkannya sentiasa berubah.	Relevan

ARPBM/H10	Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda	Kepatuhan Pada Tajuk
ARPBM /H11/P5	Melihat senario dan keadaan masyarakat pada hari ini berkemungkinan kita perlu berlembut lidah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mengutamakan bahasa kebangsaan.	Penjagaan Air Muka

Maksim Kebijaksanaan dalam ARPBM diperlihatkan menerusi *strategi cadangan* oleh penulis bagi menyampaikan hasrat murninya kepada khalayak pembaca. Dalam konteks memelihara aspek kesantunan berbahasa, pengarang mengemukakan cadangan yang konstruktif kepada generasi muda agar berjuang memartabatkan bahasa Melayu. Cadangan tersebut terdapat dalam ARPBM/H13/P3 “Seharusnya kita mengambil peluang daripada kecanggihan teknologi dan memanfaatkan kemajuan yang dikehendaki oleh negara untuk mengembangkan bahasa Melayu”. Ayat ini memberikan fokus kepada cadangan penulis kepada seluruh rakyat Malaysia agar bersama-sama menggunakan kesempatan ini untuk memajukan bahasa rasmi menerusi peralatan teknologi yang canggih dewasa ini. Pemilihan dan penggunaan kata ganti nama “kita” dalam cadangan ini mewakili rakyat Malaysia dan menunjukkan pengarang hendak menonjolkan sifat kebersamaan dan kemesraan dalam penulisannya supaya seluruh rakyat Malaysia merasai kebersamaan tersebut, sekali gus berjuang bersama-sama untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Pengarang juga mengaplikasikan maksim kebijaksanaan menerusi *strategi menasihat* dalam artikel ini menerusi ARPBM/H13/P4, iaitu “Sejarah tetap terpahat dan kita sebagai generasi pewaris sesungguhnya perlu berterima kasih kepada generasi terdahulu yang begitu gigih memperjuangkan nasib bahasa Melayu hingga bahasa Melayu berjaya menjadi wadah utama dalam semua bidang”. Strategi nasihat disampaikan penulis dengan penanda kata tugas *perlu* dalam ayat ini, iaitu rakyat Malaysia dinasihatkan agar mengenang jasa generasi terdahulu yang telah mendaulatkan bahasa Melayu. Kata tugas *perlu* ini turut bersinonim dengan berguna, berfaedah dan bermanfaat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007) yang sesuai digunakan untuk memberikan nasihat. Penulis tidak menggunakan perkataan “mesti” dan “harus” atau “wajib” dalam menitipkan nasihatnya agar khalayak pembaca tidak berasa terbeban sebaliknya memberikan ruang kepada pembaca untuk membuat penilaian. Penegasan penulis menerusi ungkapan *perlu berterima kasih kepada generasi terdahulu* amat signifikan sebagai strategi menasihat generasi masa ini agar tidak seperti kacang lupukan kulit. Nasihat yang disampaikan dengan strategi yang bijak dan sesuai sudah tentu memaksimumkan manfaat kepada khalayak dan meminimumkan kos kepada mereka sebagaimana gagasan Leech (1983) menerusi maksim Kebijaksanaan. Sarjana Indonesia, iaitu Hamka (2002) menegaskan bahawa kesantunan meliputi kata-kata yang lemah lembut dan beradab mampu melembutkan hati seseorang. Justeru, nasihat wajar disampaikan dengan kelembutan agar mudah dihadam oleh pihak lain sebagaimana yang diaplikasikan oleh penulis artikel. Menurut Tenas Effendy (2011, hal. 40), orang tua-tua ada mengatakan “Apabila hendak memberi saran, elokkan niat luaskan fikiran”. Pendapat ini merupakan suatu representasi bahawa pemikiran yang bernas dan niat yang ikhlas amat penting agar saranan, nasihat atau cadangan memberikan manfaat kepada orang lain.

Pengaplikasian maksim sokongan diperlihatkan menerusi *strategi pujian* dalam ARPBM-H13/P1 menerusi ayat “Sultan al-Fatih yang berjaya menawan kota Constantinopel pada usia 21 tahun, Usaman bin Zalid yang berjaya mengetuai angkatan tentera Islam ke wilayah Syam pada usia 18 tahun, Imam Syafiee yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah pada usia 15 tahun

dan Imam al-Ghazali yang sudah menjadi ilmuwan terkemuka pada usia 20 tahun". Pengarang mengaplikasikan strategi pujian terhadap tokoh-tokoh berkenaan atas kehebatan dan kejayaan mereka menempah kegemilangan pada usia yang masih muda dalam pelbagai bidang. Strategi pujian ditandai penggunaan perkataan *berjaya*, *layak* dan *terkemuka*. Pujian terhadap Sultan al-Fatih dan Usaman bin Zalid ditandai kata kunci *berjaya* bagi menunjukkan kecemerlangan kedua-dua tokoh hebat ini. Sementara pujian terhadap Imam Syafiee ditandai kata kunci *layak* dan Imam al-Ghazali pula ditandai frasa *ilmuan terkemuka* yang mencerminkan penghargaan yang tinggi kepada tokoh-tokoh berkenaan kerana telah mencapai kejayaan besar dalam usia muda. Pujian terhadap Imam Syafiee bertujuan untuk memberikan penghargaan atas kehebatannya melakar sejarah dan kejayaan yang besar. Pujian kepada Imam Ghazali sebagai ilmuan terkemuka merujuk kepada cendekiawan atau cerdik pandai yang tersohor, terkenal yang sukar untuk dicapai, tetapi mampu diraih Imam Ghazali. Pujian-pujian ini sewajarnya diberikan kepada tokoh-tokoh berkenaan atas jasa dan pencapaian mereka yang telah terlakar dan terakam dalam sejarah. Strategi pujian yang digunakan oleh penulis ARPBM terhadap tokoh-tokoh ilmuan tersebut bertujuan untuk menyuntik kesedaran serta memberikan galakan, dorongan dan motivasi kepada generasi muda di negara kita agar menjadikan tokoh-tokoh ini sebagai idola dalam mensinergikan perjuangan mereka memartabatkan bahasa rasmi negara. Strategi pujian menerusi tokoh-tokoh tersebut juga berkeupayaan untuk mendorong generasi muda membuat anjakan paradigma dan transformasi dari segi minda dan sikap dengan lebih mengetahui obligasi dan tanggungjawab untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Tambahan pula generasi muda merupakan pewaris dan permata negara dalam mengharungi cabaran masa depan sekali gus berperanan untuk memastikan bahasa Melayu terus kekal dan berfungsi sebagai bahasa rasmi. Leech (1983) dalam PS menegaskan bahawa pujian boleh diberikan kepada pihak ketiga yang tidak wujud dalam komunikasi. Oleh itu, pujian terhadap tokoh ilmuan Islam tersebut merupakan strategi bijak penulis dalam usaha menarik perhatian dan memugar semangat generasi muda di negara ini untuk mengorak langkah memantapkan peranan mereka untuk memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Justeru, strategi pujian yang diaplikasi oleh penulis dalam artikel ini selaras dengan pendapat Abdul Mu'a'ti @Zamri Ahmad (2001, hal.37) yang menegaskan bahawa pujian yang ikhlas akan menjadi pendorong utama kepada pihak yang dipuji untuk meneruskan perbuatan baik dan merupakan petanda bahawa kita menghargai apa-apa yang mereka lakukan.

ARPBM juga menunjukkan pengaplikasian maksim kualiti yang diutarakan oleh Grice (1975) menerusi *strategi pengemukaan fakta*. Berdasarkan ayat dalam ARPBM-H13/P1, "Sultan al-Fatih yang berjaya menawan kota Constantinopel pada usia 21 tahun, Usaman bin Zalid yang berjaya mengetuai angkatan tentera Islam ke wilayah Syam pada usia 18 tahun, Imam Syafiee yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah pada usia 15 tahun dan Imam al-Ghazali yang sudah menjadi ilmuwan terkemuka pada usia 20 tahun". Pengarang memperlihatkan kekuatan dengan merujuk kepada sumber yang berkualiti, iaitu mengemukakan fakta yang lengkap dan tepat tentang kejayaan tokoh-tokoh berkenaan. Misalnya, "Sultan al-Fatih yang berjaya menawan kota Constantinople pada usia 21 tahun", memperjelaskan bahawa tokoh ini terkenal di kota Constantinople, sebuah tempat yang ditawan oleh Sultan al-Fatih dan terpahat dalam sejarah Islam (Abdul Latip Talib, 2009). Seterusnya, "Imam Syafiee yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah" turut memperlihatkan penggunaan sumber yang sahih, iaitu tokoh imam yang benar-benar wujud dalam sejarah Islam dan terkenal di Mekah. Strategi yang diaplikasi untuk mengemukakan bukti atau fakta ini menunjukkan kepekaan dan keprihatinan pengarang dengan sumber yang dirujuk bagi menghasilkan sebuah wacana yang berkualiti selain membuktikan wujudnya aspek tautan dan runtutan dalam penulisan. Perkara ini dapat dihubungkaitkan dengan maksim kualiti yang dikemukakan Grice (1975), iaitu pengarang mengupas isu ini dengan mengutarakan contoh tokoh yang muktabar, berwibawa dan

sememangnya wujud dalam sejarah Islam. Strategi pengemukaan fakta ini menunjukkan bahawa wacana yang dihasilkan ini amat berkualiti sekali gus berupaya memberikan inspirasi dan motivasi kepada generasi muda dalam memperjuangkan martabat bahasa Melayu yang terumbang-ambing akibat ledakan arus globalisasi. Strategi yang digunakan oleh penulis ARPBM ini bertepatan dengan penegasan Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999, hal.15) bahawa maklumat yang disampaikan dengan tepat dan tidak palsu atau mempunyai fakta perlu diberi keutamaan kerana berkaitan dengan etika. Penggunaan maksim kualiti

Seterusnya, penggunaan maksim relevan dalam PK Grice diteliti menerusi ARPBM-H11/P5 “*Api perjuangan marak menyala*” menerusi *strategi penggunaan unsur metafora*, iaitu *api perjuangan*. Pengaplikasian gaya bahasa metafora, iaitu *api perjuangan* oleh penulis mencitrakan semangat perjuangan yang tinggi dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Pengintegrasian gaya bahasa puitis ini merupakan strategi bijak penulis dalam mewujudkan pertautan dan runtutan dalam penulisan selain relevan dengan medan dan agenda perdana artikel ini, iaitu untuk menyemarakkan semangat memartabatkan bahasa Melayu. Penggunaan unsur metafora berupaya melembutkan sesuatu cadangan mahupun seruan dalam mencapai matlamat kedaulatan bahasa rasmi.

Artikel ini juga memperlihatkan penggunaan strategi KAHO, bukan hanya pengaplikasian maksim-makism Leech dan Grice. Strategi kesantunan yang diaplikasi dalam artikel ini ialah *strategi kepatuhan pada tajuk* atau bidang perbincangan. Tajuk yang dikemukakan oleh pengarang amat bertepatan dengan inti pati yang dibicarakan dalam artikel ini. ARPBM/H10 bertajuk “Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda”, amat mematuhi medan perbincangan dalam artikel ini yang memberikan fokus terhadap saranan terhadap usaha yang wajar diambil generasi muda untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Pengarang membicarakan peranan mega golongan muda dalam memartabatkan bahasa Melayu dengan cadangan dan nasihat yang bernas dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. Perbincangan dan kupasan yang bertepatan dengan tajuk artikel, membuktikan bahawa penulis mematuhi tatacara dan kesantunan penulisan. Pematuhan terhadap tajuk perbincangan merupakan salah satu ciri kesantunan berbahasa sebagaimana penegasan Asmah Omar (1996).

Penulis artikel juga mementingkan *strategi penjagaan air muka*. Penjagaan air muka dilakukan bagi mengelakkan sesuatu pihak berasa tersinggung atau berkecil hati. Asmah Omar (2007) membuat penegasan bahawa air muka memberikan pengertian yang lebih luas dan mendalam, iaitu melibatkan didikan dan maruah sehingga boleh mengundang konflik jika tersilap percaturan. Strategi penjagaan air muka terdapat dalam ARPBM-H11/P5 menerusi ayat “Melihat senario dan keadaan masyarakat pada hari ini berkemungkinan kita perlu berlembut lidah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mengutamakan bahasa kebangsaan”. Ungkapan *berlembut lidah* dalam ayat tersebut merupakan ungkapan santun yang halus, berlapik dan lembut dalam berbahasa yang membawa maksud bersuara lunak, merdu dan perlahan dalam usaha menyedarkan masyarakat tentang kepentingan mengutamakan bahasa kebangsaan. Penggunaan frasa *berlembut lidah* ini amat bertepatan dengan usaha memberi kesedaran kepada masyarakat dengan cara yang lebih lembut dan tidak agresif. Dalam konteks memberikan kesedaran, segala idea dan saranan wajar disampaikan dengan lembut dan beralas agar mudah dihadam dan diterima masyarakat. selain tidak ada pihak yang sensitif dengan saranan tersebut. Tenas Effendy (2010, hal. 24) mengungkapkan bahawa “Apa tanda orang yang bijak, berfikir dahulu sebelum bertindak, Apa tanda orang beradab, berfikir dahulu sebelum mengungkap”. Ungkapan ini membawa pengertian yang mendalam bahawa budaya Melayu bukan sahaja memberikan penegasan agar berfikir sebelum melakukan sesuatu pekerjaan malahan kita diseru agar berfikir terlebih dahulu

sebelum mengujarkan kata-kata atau menulis sesuatu agar tidak mengaibkan orang lain. Sementara Noriat A. Rashid (2005, hal. 235), menyatakan bahawa orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dan dalam apa-apa juga pertimbangan, mereka sentiasa mengutamakan perasaan orang lain dan ini menjadi pertimbangan dan pengukur dalam membuat keputusan.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis, didapati artikel yang menjadi data korpus ini menunjukkan perincian aspek kesantunan berbahasa yang diperlihatkan menerusi pembentukan pola kombinasi maksim + strategi. ARPBM memperlihatkan pematuhan terhadap maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Relevan + Kepatuhan pada Tajuk + Penjagaan Air Muka. Hasil analisis terhadap data korpus ini mendapati bahawa penulis memiliki kesedaran dan kepekaan yang tinggi dalam usaha menyantuni khalayak pembaca. Pengaplikasian maksim-maksim dan strategi KAHO menerusi pengaplikasian strategi cadangan, nasihat, pujian, pengemukaan fakta, penggunaan unsur metafora, kepatuhan pada tajuk dan penjagaan air muka berdasarkan pola kombinasi maksim dan strategi yang wujud dalam daptan menzahirkan data korpus ini memiliki kesantunan yang tinggi. Strategi cadangan yang diaplikasikan oleh penulis ARPBM dapat mengelakkan khalayak terbeban kerana cadangan memberikan pilihan kepada khalayak pembaca untuk berfikir dan membuat pertimbangan. Khalayak dan pihak yang menjadi fokus penulis tidak akan menanggung kos kerana mereka bebas daripada paksaan dan bebanan apabila membaca artikel berkenaan. Strategi nasihat yang diaplikasikan oleh penulis turut disampaikan dengan cara yang berhemah agar berupaya menjentik jiwa generasi muda untuk berjuang memartabatkan bahasa Melayu. Strategi cadangan dan nasihat yang diperlihatkan menerusi makism kebijaksanaan merupakan strategi kesantunan bersifat negatif. Walau bagaimanapun, jika disampaikan secara berhemah dengan pemilihan kata yang sesuai, halus dan lembut atau tidak memaksa maka dapat memantulkan citra kesantunan berbahasa.

Strategi pujian menerusi maksim sokongan ditandai kata sifat yang positif kepada orang lain selain memberikan penghargaan atas jasa dan kesejahteraan seseorang. Pujian perlu dalam kasus tertentu kerana pujian membuatkan seseorang berasa dihargai dan disanjung tinggi. Strategi pujian dalam analisis ini diperlihatkan menerusi pujian terhadap tokoh-tokoh Islam bagi mencerminkan sokongan dan kekaguman penulis terhadap sumbangan mereka sama ada dari segi ilmu pengetahuan maupun kepakaran. Pujian terhadap tokoh-tokoh Islam ini bermotifkan matlamat untuk menyuntik semangat generasi muda agar melakar kejayaan dan berjuang bersungguh-sungguh demi kemakmuran tamadun bangsa. Sementara kehadiran strategi pengemukaan fakta berdasarkan maksim kualiti pula memperlihatkan keperluan pemberian maklumat yang benar atau sahih agar mesej menjadi efektif, berkualiti dan diyakini pembaca. Penggunaan peristiwa-peristiwa bersejarah dengan tahun kejadiannya dan nama-nama tokoh yang wujud secara realiti dalam data korpus ini memperlihatkan bahawa penulis sangat menitikberatkan kualiti penulisannya selain memaparkan bukti yang kukuh bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti.

Strategi penggunaan unsur metafora berdasarkan maksim relevan berkeupayaan untuk menyampaikan mesej yang tersirat. Strategi ini dapat mewujudkan kesatuan wacana dalam penulisan agar memperlihatkan aspek koheren dan kohesi apabila unsur keindahan yang diaplikasi oleh penulis mempunyai pertalian. Tambahan pula, penggunaan unsur ini memanifestasikan bahawa penulis berusaha menyantuni khalayak dengan mengaplikasikan bahasa figuratif yang berupaya menerbitkan nilai estetika dalam sesebuah penulisan dan sebagai penanda kesantunan. Sementara pematuhan data korpus terhadap strategi kepatuhan kepada tajuk pula memperlihatkan bahawa penulis amat peka dan prihatin dengan tugasnya

sebagai penulis untuk menyajikan wadah yang relevan dengan tajuk perbincangan agar tautan dan runtutan itu wujud dengan efektif. ARPBM juga memperlihatkan sikap berhati-hati penulis dengan mengutamakan strategi penjagaan air muka agar tidak menimbulkan sebarang konflik mahupun mencalar maruah mana-mana pihak dalam mengetengahkan isu-isu yang melanda bahasa Melayu. Pengaplikasian strategi penjagaan air muka dipaparkan menerusi penggunaan ungkapan yang berlapik dalam usaha penulis menzahirkan kesantunan. Penggunaan bahasa berlapik dalam penulisan artikel membuktikan bahawa penulis mementingkan kehalusan berbahasa dalam mengungkapkan fikiran selain mencitrakan daya keintelektualan.

Tuntasnya, perincian aspek kesantunan penulisan dalam data korpus memperlihatkan agenda besar Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu agar bahasa Melayu terus *mengakar ke bumi, menjulang ke langit*. Ruangan-ruangan dalam majalah *Dewan Bahasa* menyajikan wadah yang memberikan manfaat yang maksimum kepada khalayak bahasa selain berupaya mentarbiyah dan mengimarahkan budaya ilmu dalam masyarakat menerusi pembacaan. Oleh itu, generasi muda sejak dari zaman persekolahan sewajarnya dididik menggunakan bahasa yang betul selain dibimbing untuk mendalami akar umbi, jati diri dan budaya berbahasa sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Ringkasnya, bidang penulisan kekal signifikan sebagai medium untuk penyebaran maklumat namun aspek kesantunannya tidak boleh dianaktirikan oleh semua pihak khususnya yang mencintai bahasa kebangsaan.

Rujukan

- Abdul Latip Talib. (2009). *Sultan Muhammad Al-Fateh*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2006). *Sintaksis Siri Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Mu'a'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Sara Beden & Norlela Abdollah. (2018). Strategi Kesantunan Berbahasa untuk Penutur Asing. Dlm. Nuraihan Mat Daud (Ed.), *Bahasa Melayu untuk penutur asing*, hlm. 106-117. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1996). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ervin, T. S. (1972). Sociolinguistic rules of address. Dalam John, B. P. and Holmes, J. *Sociolinguistics* (hlm. 225-241). Harmondsworth: Penguin.
- Fraser, B. (1990). Perspective of politeness. *Journal of Pragmatics*, 14, 219-236.
- Grice, H.P, (1975). "Logic and conversations". Dlm Cole, P., & Morgan. *Syntax and semantic: speech act*, hlm. 41-58. New York: Academic Press.
- Hamka. (2002). *Merantau ke Deli*. Kuala Lumpur: Crescent News.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Terj.) Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad Syafiq Rohaizad Buyong. (2018). Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda. *Dewan Bahasa*, Julai: 10-14.
- Noriati Abd. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232-253.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kesopanan bahasa dalam peristiwa *Melunas Rindu*. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*, 19, 151-168.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Paparan kesopanan berbahasa dalam teks Komsas *Melunas Rindu*: Aplikasi model Leech (1983) dan Grice (1975). *Jurnal Issues of Language Studies*, 4 (2), 41-62.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan struktur peristiwa bahasa: Komunikasi bebas konflik. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 16 (1), 67-87.
- Sara Beden. (2018). Kesantunan Bahasa Penulisan. *Dewan Bahasa*: September 54-58.
- Tenas Effendy. (2010). *Kearifan pemikiran Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tenas Effendy (2011). Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.